

Kelulusan	√
Makluman	



**KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN
JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

PENGANJURAN **NAMA PROGRAM 2026
(**NAMA SINGKATAN PROGRAM**)**

	Disediakan oleh	Disemak oleh	Disokong oleh	Diperakukan oleh	Dilulusakn oleh
Tandatangan					
Nama					
Jawatan					
Tarikh					

Elemen Adab:	Adab Terhadap Tuhan ☐	Adab Terhadap Sahabat /
	Adab Terhadap Diri /	Adab Terhadap Ilmu /
	Adab Terhadap Pensyarah ☐	Adab Terhadap Alam /
	Adab Terhadap Ibu Bapa ☐	Sekitar

RINGKASAN EKSEKUTIF

NAMA PROGRAM

Nama Program <i>(Program Name)</i>	NAMA PROGRAM
Nama Penganjur <i>(Organizer Name)</i>	NAMA PERSATUAN/KELAB/PENGANJUR
Penganjur Bersama <i>(Joint Organizer)</i>	
Pengenalan <i>(Introduction)</i>	
Objektif <i>(Objective)</i>	
Tarikh, Masa & Tempat <i>(Date, Time & Venue)</i>	
Sasaran Peserta <i>(Target of Participant)</i>	
Implikasi Kewangan <i>(Financial Implication)</i>	
Nama & No. Untuk Dihubungi <i>(Name & Contact Person)</i>	Nama: No. Telefon Bimbit:
Ulasan Penasihat/ Felo/ Pengetua Kolej <i>(Advisor/ Fellow/ Principal College Review)</i>	Ulasan: Tandatangan & Nama:
Ulasan Pegawai Aktiviti JTNCHEPA <i>(Office of Student Affairs Review)</i>	Sila tandakan ☐ bagi mana yang berkaitan: ☐ LULUS TANPA BAJET ☐ LULUS DENGAN BAJET: RM _____ ☐ TIDAK DILULUSKAN Ulasan/ Syor: Tandatangan & Nama:

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF JABATAN TIMBALAN NAIB
CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**PENGANJURAN PROGRAM ITS-UTM MARINE TECHNOLOGY
EXCURSION 2026
(I-MARTEX'26)**

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) bagi tujuan

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Program ini

2.2 Pelaksanaan program ini juga mematuhi peraturan dan garis panduan universiti yang berkaitan dengan penganjuran aktiviti pelajar di peringkat antarabangsa, termasuk keperluan kelulusan Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), pematuhan kepada prosedur keselamatan, pengurusan risiko serta penggunaan dana universiti secara berhemah dan berakauntabiliti.

2.3 Dari sudut sejarah pelaksanaan, program berbentuk

2.4 Hasil dan faedah yang diperoleh melalui pelaksanaan program yang serupa sebelum ini

3.0 OBJEKTIF

3.1 Memperluaskan Pendedahan Akademik dan Industri Memberi peluang kepada pelajar untuk memahami pendekatan akademik dan amalan industri antarabangsa.

3.2 Membina Jaringan Antarabangsa Mengukuhkan hubungan kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan industri luar negara bagi tujuan akademik dan penyelidikan masa hadapan.

- 3.3 Memperkasa Interaksi Komuniti Melatih pelajar berinteraksi dengan komuniti pelbagai latar belakang serta menyumbang melalui perkongsian ilmu.
- 3.4 Menggalakkan Inovasi dan Pemindahan Pengetahuan Mendedahkan pelajar kepada teknologi dan inovasi terkini yang berpotensi untuk diaplikasikan di Malaysia.
- 3.5 Mengukuhkan Hubungan Industri–Akademik Mewujudkan jaringan strategik dengan industri sebagai rakan kolaborasi jangka panjang.

4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

4.1 GARIS MASA PERANCANGAN

Program ini dicadangkan untuk dilaksanakan selama tujuh (7) hari di (TEMPAT) dan merangkumi pelbagai aktiviti utama seperti lawatan akademik ke ITS, sesi makmal dan bengkel teknikal, lawatan industri, program khidmat komuniti, serta aktiviti interaksi budaya dan refleksi pelajar.

4.2 TARIKH, MASA DAN TEMPAT

Tarikh :
Masa :
Tempat :

4.3 LAMPIRAN JAWATANKUASA PROGRAM (LAMPIRAN A)

Rujuk **Lampiran A**

4.4 PERASMI (MENTERI/VIP/VVIP)

Program ini akan dirasmikan oleh (**NAMA & JAWATAN**)

4.5 PENJELASAN PERINCIAN BERKAITAN PELAKSANAAN AKTIVITI UTAMA

Aktiviti	Lawatan Industri & Bengkel Hands-on
Objektif / Tujuan	- Memperluas pendedahan pelajar kepada pendekatan industri sebenar dan teknologi terkini. - Meningkatkan pemahaman konsep akademik melalui pengalaman praktikal. - Memupuk kemahiran komunikasi dan kolaborasi profesional.
Bahan / Sumber Diperlukan	- Kenderaan untuk lawatan. - PPE (topi keselamatan, kasut, sarung tangan). - Alat dan bahan untuk bengkel praktikal. - Kit nota / pen dan kamera untuk dokumentasi.
Langkah Pelaksanaan	1. Briefing awal tentang keselamatan, etika, dan adab semasa lawatan. 2. Lawatan ke fasiliti industri / makmal untuk pemerhatian dan sesi interaktif. 3. Aktiviti hands-on atau bengkel mini berdasarkan teknologi atau inovasi yang ditunjukkan. 4. Sesi soal jawab bersama jurutera / pakar industri. 5. Dokumentasi dan refleksi pembelajaran oleh pelajar.
Output / Impak	- Peningkatan pemahaman pelajar tentang industri dan teknologi sebenar. - Kemahiran praktikal dan komunikasi profesional dipertingkatkan. - Pelajar membina jaringan dengan pakar industri dan rakan sepasukan. - Catatan dan laporan reflektif untuk pembelajaran lanjut.

4.6 ATURCARA PROGRAM (LAMPIRAN B)

Rujuk **Lampiran B**

4.7 SENARAI JAWATANKUASA

1. PENGARAH

Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan, kelulusan dan pelaksanaan keseluruhan program. Memastikan program dilaksanakan selaras dengan objektif universiti, peraturan yang ditetapkan serta garis panduan pihak berkuasa universiti. Bertindak sebagai wakil rasmi penganjur dalam urusan dengan pihak pengurusan universiti, rakan

kolaborasi dan pihak berkepentingan lain. Membuat keputusan utama berkaitan dasar, kewangan dan operasi program.

2. TIMBALAN PENGARAH

Membantu Pengarah dalam semua aspek perancangan dan pelaksanaan program. Menyelaras pelaksanaan aktiviti harian program serta memantau prestasi jawatankuasa unit. Mengambil alih tugas Pengarah sekiranya Pengarah tidak dapat menjalankan tugas. Memastikan semua unit berfungsi dengan berkesan dan mengikut perancangan yang ditetapkan.

3. SETIAUSAHA

Mengurus urusan pentadbiran program termasuk penyediaan surat-menyurat rasmi, minit mesyuarat, laporan kemajuan dan dokumentasi berkaitan. Menyelaraskan mesyuarat jawatankuasa, menyimpan rekod rasmi program serta memastikan semua dokumen mematuhi format dan keperluan universiti. Bertindak sebagai pusat rujukan maklumat program.

4. BENDAHARI

Mengurus dan memantau kewangan program secara telus dan berakuntabiliti. Bertanggungjawab menyediakan anggaran bajet, merekod semua transaksi kewangan, mengurus pembayaran dan tuntutan, serta menyediakan laporan kewangan selepas program. Memastikan semua urusan kewangan mematuhi peraturan dan garis panduan kewangan universiti.

5. KETUA UNIT PROTOKOL DAN HADIAH

Merancang dan menyelaras semua urusan protokol program termasuk majlis perasmian, susunan atur cara rasmi dan penyambutan tetamu kehormat. Bertanggungjawab terhadap perancangan dan pengurusan hadiah, cenderamata dan sijil penghargaan. Memastikan pematuhan etika, adab dan protokol rasmi universiti sepanjang program.

6. UNIT PROTOKOL DAN HADIAH

Membantu Ketua Unit dalam pelaksanaan urusan protokol dan pengurusan hadiah. Mengurus persediaan majlis rasmi, penyediaan hadiah dan

cenderamata, serta memastikan kelancaran perjalanan atur cara mengikut protokol yang ditetapkan. Membantu penyambutan dan pengiringan tetamu kehormat.

7. KETUA UNIT TEKNIKAL DAN LOGISTIK

Bertanggungjawab merancang dan menyelarar semua keperluan teknikal dan logistik program termasuk pengangkutan, penginapan, peralatan dan kemudahan sokongan. Memastikan semua keperluan teknikal dan logistik tersedia dan berfungsi dengan baik sebelum dan sepanjang program. Menyelia dan memantau tugas ahli unit teknikal dan logistik.

8. UNIT TEKNIKAL DAN LOGISTIK

Melaksanakan tugas teknikal dan logistik seperti pengurusan peralatan, penyediaan lokasi, pengangkutan peserta dan penyelarasan jadual perjalanan. Membantu memastikan kelancaran aktiviti program dari aspek teknikal dan logistik serta bertindak segera terhadap sebarang isu operasi yang timbul.

9. KETUA UNIT PUBLISITI DAN MULTIMEDIA

Merancang dan melaksanakan strategi publisiti dan keterlihatan program. Bertanggungjawab mengurus dokumentasi multimedia seperti gambar, video dan penulisan laporan media. Menyelarar hebahan program melalui saluran media sosial, laman web dan platform komunikasi rasmi universiti.

10. UNIT PUBLISITI DAN MULTIMEDIA

Membantu Ketua Unit dalam penghasilan bahan publisiti dan dokumentasi. Mengurus rakaman gambar dan video, penyuntingan bahan multimedia serta penyediaan kandungan untuk media sosial dan laporan rasmi. Memastikan semua bahan publisiti mencerminkan imej profesional universiti.

11. KETUA UNIT PENAJAAN

Merancang strategi penajaan dan mencari sumber kewangan tambahan bagi menyokong pelaksanaan program. Bertanggungjawab berhubung dengan penaja berpotensi, menyediakan kertas cadangan penajaan dan memastikan penajaan yang diterima digunakan selaras dengan tujuan program.

12. UNIT PENAJAAN

Membantu Ketua Unit dalam urusan mendapatkan penajaan termasuk penyediaan bahan sokongan, susulan komunikasi dengan penaja dan pengurusan keperluan penaja. Membantu memastikan komitmen penaja dipenuhi seperti yang dipersetujui.

13. KETUA UNIT MAKANAN

Bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan penyediaan makanan dan minuman untuk peserta sepanjang program. Memastikan penyediaan makanan mencukupi, mematuhi aspek kebersihan, keselamatan makanan serta mengambil kira keperluan diet dan sensitiviti peserta.

14. UNIT MAKANAN

Membantu Ketua Unit dalam urusan pengurusan makanan termasuk penyelarasan dengan pembekal, pengagihan makanan dan pemantauan kualiti makanan. Memastikan pengurusan makanan berjalan lancar mengikut jadual program.

5.0 IMPAK PROGRAM DAN KOLABORASI STRATEGIK

5.1 Rakan Kolaborasi, Sumbangan dan Justifikasi Pemilihan

Program ITS-UTM Marine Technology Excursion 2026 (I-MARTEX '26) dilaksanakan melalui kolaborasi strategik bersama beberapa rakan utama yang dipilih berdasarkan kepakaran, kesesuaian objektif program dan potensi impak jangka panjang.

Rakan kolaborasi utama universiti ialah Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Surabaya, Indonesia, khususnya Department of Marine Engineering, Faculty of Marine Technology. ITS dipilih kerana reputasinya sebagai institusi terkemuka dalam bidang teknologi dan kejuruteraan marin di rantau Asia Tenggara, selain mempunyai fasiliti makmal hidrodinamik, kepakaran akademik serta pengalaman luas dalam penyelidikan marin. Sumbangan ITS merangkumi penyediaan fasiliti akademik dan makmal, penglibatan pensyarah sebagai

penceramah jemputan, serta penyelarasan aktiviti akademik dan pelajar sepanjang program.

Bagi sektor industri, PT PAL Indonesia dan PT Dok Perkapalan Surabaya (DPS) dipilih sebagai rakan kolaborasi industri utama. Kedua-dua organisasi ini merupakan pemain utama dalam industri pembinaan dan penyelenggaraan kapal di Indonesia. Sumbangan pihak industri termasuk penyediaan lawatan industri, perkongsian amalan terbaik industri, pendedahan kepada teknologi semasa serta sesi perkongsian kerjaya bersama profesional industri. Pemilihan rakan industri ini adalah selari dengan objektif program untuk menghubungkan pembelajaran akademik dengan aplikasi sebenar di industri maritim.

Selain itu, komuniti Kampung Nelayan Brondong, Lamongan dipilih sebagai rakan kolaborasi komuniti bagi melaksanakan program berasaskan khidmat masyarakat. Komuniti ini dipilih kerana kaitannya secara langsung dengan sektor marin dan perikanan, sekaligus memberi peluang kepada pelajar untuk memahami cabaran sebenar komuniti pesisir pantai serta peranan kejuruteraan marin dalam menyokong kelestarian komuniti.

5.2 Sasaran Peserta

Sasaran utama program ini ialah pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) daripada program Sarjana Muda Seni Bina Kapal dan Kejuruteraan Luar Pantai, khususnya pelajar tahun 3 yang memerlukan pendedahan industri dan antarabangsa sebelum menamatkan pengajian. Selain itu, pelajar Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS) turut terlibat sebagai peserta dan rakan kolaborasi akademik bagi menggalakkan interaksi dua hala. Sasaran peserta juga merangkumi staf pengiring, penasihat akademik serta penduduk komuniti Kampung Nelayan Brondong sebagai penerima manfaat program komuniti.

5.3 Impak Program kepada Universiti, Masyarakat dan Negara


Dari sudut universiti, program ini menyumbang kepada pengukuhan jaringan antarabangsa UTM, peningkatan keterlihatan UTM di peringkat serantau serta menyokong agenda mobiliti pelajar dan pembelajaran berimpak tinggi. Program ini juga membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendedahan industri dan antarabangsa.

Bagi masyarakat sekitar, khususnya komuniti nelayan, program ini memberi impak melalui pemindahan ilmu, peningkatan kesedaran terhadap kelestarian alam marin serta pengukuhan hubungan antara universiti dan komuniti. Di peringkat negara, program ini menyokong hubungan kerjasama pendidikan Malaysia–Indonesia, memperkukuh diplomasi pendidikan dan menyumbang kepada pembangunan modal insan dalam sektor maritim.

5.4 Impak Program kepada SDG, ISES dan ADAB

Program ini menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) melalui pembelajaran antarabangsa, SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur) melalui pendedahan industri, SDG 14 (Hidupan di Bawah Air) melalui kesedaran kelestarian marin, serta SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat) melalui kolaborasi pelbagai pihak.

SDG	KETERANGAN
	SDG 4 : QUALITY EDUCATION Program ini menyokong pendidikan berkualiti dengan menyediakan akses kepada pelajar untuk belajar dan berinteraksi dengan universiti dan industri terkemuka di negara tuan rumah, yang dapat memperluas pengalaman pendidikan mereka.

	SDG 4 : QUALITY EDUCATION Program ini menyokong pendidikan berkualiti dengan menyediakan akses kepada pelajar untuk belajar dan berinteraksi dengan universiti dan industri terkemuka di negara tuan rumah, yang dapat memperluas pengalaman pendidikan mereka.
	SDG 14 : LIFE BELOW WATER Aktiviti program ini berkonsepkan kejuruteraan marin yang bermatlamat mengukuhkan pemahaman pelajar tentang langkah-langkah kelestarian dalam mereka bentuk pengangkutan marin. Matlamat ini bertujuan untuk memelihara dan menggunakan secara mampan, lautan, laut dan sumber marin demi pembangunan mampan.
	SDG 17 : PARTNERSHIP FOR THE GOALS Program ini mengukuhkan kerjasama antara institusi pendidikan dan industri dari negara yang berbeza, membantu dalam membina perkongsian yang mampan dan saling menguntungkan.

Dari aspek ISES (Impactful, Sustainable, Experiential and Service Learning), program ini mengintegrasikan pembelajaran berasaskan pengalaman, khidmat masyarakat dan pendedahan industri. Elemen ADAB pula diterapkan melalui adab terhadap ilmu, adab terhadap komuniti dan adab terhadap alam sekitar sepanjang pelaksanaan aktiviti akademik dan komuniti.

5.5 Kelestarian Kewangan

Kelestarian kewangan program ini dicapai melalui gabungan pembiayaan daripada pihak universiti, penajaan dalaman, sumbangan peserta serta kerjasama strategik bersama rakan kolaborasi. Pendekatan pembiayaan pelbagai sumber ini

memastikan program dapat dilaksanakan tanpa bergantung sepenuhnya kepada satu sumber dana dan berpotensi untuk diteruskan pada masa hadapan.

5.6 Jangkaan dan Perancangan Keterlihatan (Visibility)

Bagi memastikan keterlibatan program yang optimum, pihak penganjur merancang liputan program melalui saluran media rasmi UTM, media sosial fakulti dan persatuan pelajar, serta laporan berita di portal universiti. Selain itu, dokumentasi berbentuk artikel, video dan gambar akan disediakan untuk dikongsi melalui media digital. Usaha juga akan dilakukan untuk mendapatkan liputan media arus perdana atau media pendidikan sekiranya bersesuaian, bagi meningkatkan imej universiti dan memperluas impak program kepada masyarakat umum.

6.0 IMPLIKASI

6.1 KEWANGAN

Implikasi utama pelaksanaan program ini melibatkan aspek kewangan, pengurusan logistik antarabangsa, penggunaan sumber manusia serta pembangunan modal insan pelajar. Perincian lengkap implikasi kewangan dinyatakan dalam Lampiran C.

6.2 RUANG

Program IMARTEX '26 memerlukan ruang yang kondusif untuk pembelajaran, bengkel, pameran dan interaksi industri. Contohnya, ruang makmal, dewan seminar, dan kawasan pameran perlu disusun supaya pelajar boleh bergerak, berdiskusi, dan menunjukkan projek inovasi dengan selamat. Ruang yang dirancang dengan baik juga membolehkan aktiviti kolaboratif antara pelajar, pensyarah, dan wakil industri berjalan lancar. Selain itu, ruang yang selesa dan profesional memberi kesan positif terhadap motivasi dan fokus pelajar, meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

6.3 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

IMARTEX '26 memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah kemahiran teknikal, komunikasi, kepimpinan dan kreativiti melalui aktiviti hands-on, projek inovasi, dan interaksi dengan pakar industri. Pelajar juga belajar bekerjasama dalam kumpulan berbilang disiplin, menghormati pandangan orang lain, dan mempraktikkan adab profesional. Ini secara langsung menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berkualiti, iaitu individu yang berpengetahuan, berkemahiran, berdikari, dan beretika—siap untuk menyumbang kepada industri, komuniti dan pembangunan negara.

7.0 PENYAMPAIAN MODUL ADAB

7.1 Adab terhadap Sahabat

Pelajar akan banyak bekerja dalam kumpulan, berinteraksi dengan rakan daripada pelbagai latar belakang dan berbincang idea inovasi. Oleh itu, mereka perlu mengamalkan hormat, bertoleransi, dan saling membantu, mendengar pendapat orang lain tanpa menghakimi, serta berkongsi ilmu secara konstruktif. Sikap ini bukan sahaja memudahkan kerja berkumpulan tetapi juga melatih pelajar membina hubungan profesional yang baik di masa depan.

7.2 Adab terhadap Diri

Pelajar perlu menjaga disiplin, keselamatan dan integriti diri sepanjang program. Ini termasuk hadir tepat pada masa, mematuhi peraturan keselamatan di bengkel atau lawatan industri, dan mengurus masa serta tenaga dengan baik supaya dapat menyertai semua aktiviti dengan optimum. Adab ini juga melatih pelajar untuk menjadi individu yang bertanggungjawab dan berdikari dalam konteks akademik dan profesional.

7.3 Adab terhadap Ilmu

IMARTEX memberi pendedahan kepada pengetahuan terkini, teknologi dan inovasi. Pelajar perlu menghormati ilmu dengan mendengar, mencatat, bertanya dengan sopan, dan menggunakan pengetahuan yang diperoleh secara beretika. Mereka juga digalakkan untuk berkongsi ilmu dengan rakan sepasukan atau komuniti, seterusnya menambah nilai kepada pembelajaran dan penyelidikan.

7.4 Adab terhadap Alam Sekitar

Aktiviti IMARTEX mungkin melibatkan lawatan industri atau aktiviti komuniti. Pelajar harus mempraktikkan keprihatinan terhadap alam sekitar, seperti menjaga kebersihan tempat lawatan, tidak membazir sumber, dan menghormati kawasan semula jadi. Sikap ini mengajar pelajar untuk menjadi profesional yang beretika dan bertanggungjawab terhadap masyarakat serta persekitaran.

8.0 PENGENALPASTIAN RISIKO & PELAN MITIGASI

Bil	Sumber Risiko	Risiko yang dikenalpasti	Pelan Mitigasi
1.	Sumber 8: Keselamatan Fizikal	Risiko kemalangan semasa perjalanan antarabangsa dan lawatan industri	Sediakan insurans perjalanan kepada semua peserta, taklimat keselamatan sebelum program, serta pemantauan rapi oleh ketua rombongan dan penyelaras keselamatan
2.	Sumber 16: Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan	Risiko kesihatan peserta seperti keletihan, kecederaan ringan atau masalah kesihatan semasa program	Menyediakan kit pertolongan cemas, memastikan jadual program seimbang, serta mendapatkan maklumat kesihatan peserta sebelum berlepas.
3.	Sumber 19: Operasi Umum	Risiko kelewatan jadual atau perubahan atur cara program	Penyediaan pelan alternatif, komunikasi berterusan dengan rakan kolaborasi dan fleksibiliti dalam pelaksanaan atur cara.

9.0 KEPUTUSAN UNIVERSITI

- 9.1 Mesyuarat Jawatankuasa Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) Universiti Teknologi Malaysia adalah dengan segala hormatnya diminta menimbang dan meluluskan penganjuran ITS-UTM Marine Technology Excursion 2026 (I-MARTEX '26).

LAMPIRAN A**SENARAI JAWATANKUASA**

Bil.	NAMA	NO. MATRIK	JAWATAN
1.			PENGARAH
2.			TIMBALAN PENGARAH
3.			SETIAUSAHA
4.			BENDAHARI
5.			KETUA UNIT PROTOKOL DAN HADIAH
6.			UNIT TEKNIKAL DAN LOGISTIK
7.			KETUA UNIT PUBLISITI DAN MULTIMEDIA
8.			UNIT PUBLISITI DAN MULTIMEDIA
9.			KETUA UNIT PENAJAAN
10.			KETUA UNIT MAKANAN
11.			UNIT MAKANAN

LAMPIRAN B

ATURCARA PROGRAM

3 Mei 2025 (Ahad)

MASA	AKTIVITI
1600H	Berkumpul di UTM Skudai
1630H	Menaiki bas ke Senai International Airport (JHB)
1900H	Menaiki penerbangan JHB - SUB
2100H (WIB)	Tiba di Juanda International Airport (SUB)
2130H	Bergerak ke hotel penginapan
2200H	Tiba di Hotel dan Taklimat pendek untuk aktiviti esok hari
2230H	Bersurai

4 Mei 2025 (Isnin)

MASA	AKTIVITI
0700H	Sarapan pagi
0745H	Berkumpul di lobi hotel
0800H	Bergerak ke tempat program
0815H	Slot 1 10.0 Majlis perasmian & suai kenal
1000H	Slot 2 11.0 ITS <i>Lab Tour</i>
1230H	Makan tengahari & rehat
1330H	Slot 3 <i>i. Colloquium: Research Development in Marine Engineering</i>
1630H	Pulang ke hotel & bersurai

5 Mei 2025 (Selasa)

MASA	AKTIVITI
0700H	Sarapan pagi
0745H	Berkumpul di lobi hotel
0800H	Bergerak ke tempat program
0815H	Slot 4 ii. <i>Student Forum: How Marine Technology Helps Community</i> iii. <i>ITS Student Sharing: Road to Championship</i>
1230H	Makan tengahari & rehat
1330H	Slot 5 iv. <i>Short Course- Marine Engineering System</i>
1630H	Pulang ke hotel dan bersurai

6 Mei 2025 (Rabu)

MASA	AKTIVITI
0700H	Sarapan pagi
0745H	Berkumpul di lobi hotel
0800H	Bergerak ke PT PAL
0900H	Slot 6 v. <i>Industrial Visit: PT PAL</i>
1230H	Makan tengahari dan rehat
1330H	Slot 7 vi. <i>Industrial Visit: PT Dok Perkapalan Surabaya (DPS)</i>
1630H	Pulang ke Hotel dan Bersurai

7 Mei 2025 (Khamis)

MASA	AKTIVITI
0730H	Sarapan pagi
0800H	Berkumpul di lobi hotel
0815H	Bergerak ke Hydrodynamic Laboratory Indonesia
0830H	Tiba di Hydrodynamic Laboratory Indonesia
0930H	Slot 8 1. <i>Marine Engineering Lab Session-i) Propeller Fabrication, ii) Resistance Test in Wave Condition (Hands On Activitiy)</i>
1200H	Tamat program di Hydrodynamic Laboratory Indonesia
1230H	Makan tengahari
1300H	Bergerak ke Port of Surabaya
1330H	Slot 9 vii. <i>Learn from Exploration 1: Port of Surabaya and Surabaya Submarine Monument</i>
1700H	Bergerak pulang ke ITS
1800H	Slot 10 viii. <i>Futsal Game</i>
2000H	Pulang ke Hotel dan Bersurai

8 Mei 2025 (Jumaat)

MASA	AKTIVITI
0700H	Berkumpul di lobi hotel
0715H	Sarapan pagi dan bergerak ke Kampung Nelayan Brondong, Lamongan
0930H	Slot 11 ix. <i>SDG awareness program in Kampung Nelayan Brondong (co organized by ITS and UTM)</i>
1130H	Solat Jumaat dan Makan Tengahari
1300H	Slot 12 x. <i>Learn from Exploration 2: Rekabentuk dan Operasi Kapal Nelayan</i>
1500H	Bergerak ke ITS
1800H	Slot 13 xi. Majlis Makan malam bersama pelajar ITS
2000H	Pulang ke Hotel dan Bersurai

9 Mei 2025 (Sabtu)

MASA	AKTIVITI
0800H	Sarapan pagi
0930H	Slot 14 <i>xii. Refleksi Program: Article & Video Compilation and Submission</i>
1100H	Checkout Hotel dan Bergerak ke Juanda International Airport
1300H	Tiba di Juanda International Airport
1530H	Menaiki penerbangan SUB - JHB
1845H (Waktu Malaysia)	Tiba di Senai International Airport
1900H	Makan malam dan solat
2000H	Bergerak pulang ke UTM
2020H	Tiba di UTM
2030H	Bersurai

LAMPIRAN C

IMPLIKASI KEWANGAN

A. SUMBER KEWANGAN/ KUTIPAN/ SUMBER PENAJAAN

SUMBER KEWANGAN	JUMLAH (RM)
Permohonan daripada ITS	1,000.00
Permohonan daripada JTNC(HEPA)	5,000.00
Permohonan daripada FKM, UTM	400.00
Permohonan daripada UTM International (RM1000x18)	18,000.00
Persendirian (RM700x18)	12,600.00
Penajaan Dalaman (Pensyarah)	2,720.00
JUMLAH PENDAPATAN (A)	39,720.00

B. ANGGARAN PERBELANJAAN

ITEM	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
PENGANGKUTAN			
Tiket penerbangan (JHB – SUB) & (SUB - KLIA)	20	650.00	13,000.00
Bas dari KLIA ke UTM	1	3,600.00	3,600.00
Bas sepanjang di Surabaya	7	550.00	3,850.00
PENGINAPAN			
Penginapan 7H 6M	7	1500.00	10,500.00
ACARA PROGRAM			
Slot 1 xiii. Majlis Perasmian	1	50.00	50.00

KERTAS KERJA UTM/JE/JTNC(HEPA/KELAB/PERSATUAN**/2026)**

Slot 12 xiv. <i>Fishing Village</i> xv. Cenderamata untuk komuniti	1	200.00	200.00
Slot 13 xvi. Makan Malam xvii. Cenderamata	1 1	700.00 100.00	800.00
PAKAIAN			
Baju program	20	90.00	1,800.00
KUNJUNGAN SEJARAH			
Tiket masuk xviii. Muzium xix. monumen	20	250	5,000
INSURANS			
Insurans perjalanan	20	25.00	500.00
LAIN-LAIN			
Banner program	1	120.00	120.00
PERBELANJAAN TAMBAHAN			
Alat tulis	1	300.00	300.00
JUMLAH PERBELANJAAN (B)			39,720.00